

17/03/1997

Ledakan pembangunan melimpah ke Pahang

Shariffudin Mohamed

PEMBUKAAN semula lombong emas terbesar di negara ini di Penjom, Kuala Lipis, Disember lalu, menggambarkan Pahang sedang menghadapi ledakan pembangunan di bawah pimpinan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Hampir keseluruhan kawasan negeri itu sedang dimajukan dengan pelbagai jenis industri bukan saja bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat, malah membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Pembangunan perindustrian kerajaan Pahang berkonsep berkelompok iaitu Gebeng di Kuantan sebagai pusat kimia dan petrokimia; Peramu Jaya di Pekan (automotif); Gambang di Kuantan (elektrik dan elektronik) dan: Muadzam Shah di Rompin (seramik).

Jika Kuantan boleh berbangga dengan kawasan perindustrian Gebeng sebagai pusat industri petrokimia, daerah Raub, Lipis, Jerantut dan Temerloh, Bentong di Pahang barat kini boleh mendabik dada dengan lombong emasnya.

Pekan pula dijangka menjadi bandar automotif apabila projek pembesaran kilang pengeluaran dan pemasangan pelbagai jenis kenderaan milik Kumpulan DRB-Hicom di kawasan perindustrian Peramu Jaya menjadi kenyataan.

Turut berkembang maju ialah kawasan Gambang, dekat Kuantan, melalui pembukaan tanah secara besar-besaran membabitkan 1,200 hektar untuk projek Bandar MEC (Malaysia Electric Corporation).

Seperti kereta nasional, Proton, Bandar MEC akan mengeluarkan barangan elektrik berjenama Malaysia kerana sudah terlalu lama rakyat negara ini menggunakan barangan asing.

Barangan MEC akan memberikan identiti kepada Malaysia seperti National kepada Jepun dan Goldstar kepada Korea Selatan.

Gambang yang sebelum ini dianggap pekan lesu dengan kegiatan ekonomi dikejutkan secara tiba-tiba sejak beberapa bulan lalu.

Ia juga dekat dengan kawasan yang dicadangkan untuk laluan Lebuh raya Pantai Timur yang memendekkan perjalanan Kuantan ke Kuala Lumpur.

Tanahnya kurang mendapat perhatian pembeli atau mereka yang suka bermain spekulasi sejak berpuluh tahun lalu, kini menjadi rebutan orang ramai kerana boleh mendatangkan keuntungan.

Projek Bandar MEC ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, membabitkan pelaburan RM4 bilion bagi mengeluarkan barangan elektrik dan elektronik akan memberi lembaran baru kepada sektor perindustrian di negeri ini.

Kuala Lumpur Industries Holding (KLIH) Berhad melalui Malaysia Electric Corporation Berhad bertanggungjawab memajukan bandar raya itu tetapi kerajaan Pahang dan Kerajaan Persekutuan turut memegang ekuiti.

Zon pembuatan Bandar MEC seluas 200 hektar akan menempatkan 20 kilang pengeluaran dan pemasangan pelbagai barangan elektrik.

Pada peringkat awal, barangannya seperti televisyen, peti sejuk, periuk nasi dan penghawa dingin untuk pasaran tempatan tetapi 80 peratus daripadanya akan dieksport apabila 1,000 jenis barangan dikeluarkan dalam tempoh jangka panjang.

Pemilihan Gambang sebagai pusat pengeluaran barangan elektrik ternyata membanggakan Mohd Khalil.

Malah, beliau sendiri kagum dengan kelancaran projek Bandar MEC kerana kerja meratakan tanah dan pembinaan bangunan pengeluaran tertentu boleh disiapkan dalam tempoh dua tiga bulan.

Begitu juga Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang melawat projek itu baru-baru ini.

"Projek itu tidak mengalami masalah walaupun musim tengkujuh lalu. Saya percaya pusat pengeluaran utama dijangka siap lebih awal berbanding jadualnya atau kurang daripada lima tahun.

"Bagi menjamin kelancarannya tidak terganggu, saya sudah mengarahkan semua ketua jabatan kerajaan memberi kerjasama sepenuhnya kepada MEC Bhd supaya kerja mendapat tumpuan 100 peratus.

"Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Ghani Sulaiman ditugaskan menjadi pengerusi penyelarasan bagi pihak kerajaan negeri," kata Mohd Khalil dalam satu pertemuan dengan Berita Harian.

Mohd Khalil berkata, dalam tempoh 10 tahun, Bandar MEC akan menjadi tumpuan 24,000 pekerja.

Menurutnya, ia akan mempunyai sekolah, kawasan perumahan pekerja, masjid dan pusat komersil.

Bagi menjamin produk yang dikeluarkan bermutu tinggi dan bekalan tenaga kerja berkemahiran tinggi mencukupi, pusat penyelidikan dan pembangunan serta pusat latihan kemahiran tinggi turut dibina di situ.

"Walaupun negara sedang menghadapi kekurangan pekerja tempatan, MEC Bhd mempunyai formula tertentu untuk mengatasinya," katanya.

Mohd Khalil juga mahu melihat Bandar MEC menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat dengan pembukaan sebanyak mungkin industri kecil dan sederhana (IKS) berhampirannya, termasuk kegiatan vendor.

Wawasan beliau mahu menjadikan sepanjang Jalan Gambang sebagai pusat kegiatan ekonomi seperti Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya di sepanjang Jalan Persekutuan.

Katanya, rakyat Pahang, terutama golongan belia mesti mengambil peluang yang diwujudkan dalam Bandar MEC supaya mereka tidak menjadi penonton kepada pembangunan di situ.

Bandar yang pertama seumpama itu di Asia Tenggara akan menjadi kebanggaan rakyat Pahang dan simbol kejayaan negara dalam sektor perindustrian.

Melalui bantuan jabatan kerajaan, Mohd Khalil yakin Bandar MEC tidak akan mengalami masalah bekalan air dan elektrik.

"Bandar itu berdekatan dengan laluan grid kebangsaan yang menyediakan tenaga elektrik bervoltan tinggi dan loji Pengeluar Tenaga Elektrik Bebas di Paka, Terengganu," katanya.

Pada peringkat awal bekalan air dijangka mencukupi tetapi dalam perancangan jangka panjang, Sungai Lepar akan menjadi sumber air bagi Bandar MEC.

Tetapi di sebalik kejayaan membawa Bandar MEC ke negeri itu, timbul pula persoalan mengenai pembabitkan usahawan Melayu, terutama anak tempatan dalam projek berbilion ringgit itu.

Setakat ini, pelaksanaan projek itu yang dilakukan dengan cepat belum dinikmati usahawan Melayu sepenuhnya.

Ketegasan kerajaan negeri perlu bagi memastikan usahawan Melayu turut membabitkan diri supaya dapat mempelajari teknik usahawan bukan Melayu melaksanakan projek itu.

Dalam hal ini, Mohd Khalil berkata, kerajaan negeri menggalakkan usahawan Melayu menyertai kegiatan vendor untuk memastikan mereka tidak ketinggalan menikmati faedah menerusi Bandar MEC.

"Kerajaan akan mengawal kegiatan itu bagi menjamin pembabitkan usahawan Bumiputera sentiasa tidak terjejas, malah berkesan.

"Ketika ini, kerajaan negeri sedang mengenal pasti usahawan Bumiputera berpotensi melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)," katanya.

Beliau berkata, mereka mempunyai banyak peluang membabitkan diri kerana fungsi vendor penting bagi menjamin projek itu mencapai kejayaan.

"Setiap pengeluaran barangan elektrik seperti periuk nasi, peti sejuk, televisyen, peralatan pandang dengar dan penghawa dingin memerlukan

vendornya sendiri," katanya.

Mohd Khalil berkata, walaupun usahawan Bumiputera mendapat keutamaan, kerajaan tidak mahu mereka leka, malah sepatutnya meningkatkan prestasi serta daya saing untuk mengembangkan kegiatan.

"Janganlah mengharap kerajaan semata-mata untuk mendapatkan kontrak atau menjalankan perniagaan," katanya.

Ketua Eksekutif MEC Bhd, Neoh Kah Wah, pula berkata 20 kilang akan dibina di Bandar MEC dengan kilang pertama mengeluarkan penghawa dingin dan peti sejuk.

Pihaknya juga akan menggalakkan kemasukan kilang IKS yang bertindak sebagai penyokong kepada Bandar MEC.

Beliau berkata, disebabkan projek itu dilaksanakan dengan segera, teknologi asing terpaksa dibawa masuk tetapi berdasarkan yang terbaik dan menjimatkan perbelanjaan.

Pada masa ini, MEC mempunyai kilang di Balakong, Cheras, dan Bukit Raja, dekat Klang, manakala sebuah lagi akan dibuka di Pulau Pinang.

"Pada mulanya, barangan yang dikeluarkan untuk pasaran tempatan tetapi dalam jangka panjang, 80 peratus akan dieksport, terutama negara dunia ketiga dalam lingkungan kerjasama Selatan-Selatan," katanya.

(END)